

BULETIN



JABATAN SEJARAH

No.3/2016 | Disember 2016

DARI MEJA KETUA JABATAN

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja

Tahun 2016 Dalam Kenangan

Tahun 2016 telah meninggalkan banyak kenangan manis dan pahit bagi kakitangan Jabatan Sejarah. Memang tidak dapat dinafikan Jabatan Sejarah adalah jabatan yang paling aktif menganjurkan pelbagai aktiviti akademik di samping menerbitkan buku, menganjurkan persidangan dan forum yang mempunyai impak ke atas masyarakat. Pada waktu yang sama berlaku peristiwa sedih pada penghujung tahun lepas dan tahun ini. Dua staf jabatan, Dr. Suleiman Roslan, staf pensyarah pelawat dari Chechnya telah meninggal dunia kerana menghidap penyakit kanser pada 28 Disember 2015 dan pada 5 November 2016, Dr. Hasanudin Daud, pensyarah yang berpengkhususan dalam Sejarah Indonesia Modern telah meninggal dunia kerana penyakit usus. Mutakhir ini terdapat staf jabatan yang kurang sihat dan saya doakan mereka cepat sembuh dan dapat menyumbang tenaga bagi kemajuan jabatan.

Berikut adalah ulasan terhadap beberapa perkembangan dan aktiviti penting yang telah dianjurkan oleh jabatan sepanjang tahun 2016.

Ulasan Buku

Aktiviti ulasan buku merupakan satu aktiviti penting tahun ini yang telah menarik perhatian pelajar dan orang ramai. Ulasan buku Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam berjudul "Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam Historiografi Melayu" pada 29 April 2016 telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Buku beliau telah diulas oleh Prof. Dr Henri Chambert Loir dari Akademi Pengajian Melayu dan telah mendapat liputan luas dalam media massa dan media sosial.

Ulasan buku ini memberi peluang kepada para sarjana untuk membendah buku dan melihat kandungannya daripada pelbagai dimensi. Ulasan yang dilakukan sememangnya kritis. Pengulas telah melihat beberapa kekurangan dalam buku ini dan ia diterima baik oleh Prof. Ahmat Adam yang telah diberi peluang untuk memberi respon terhadap ulasan tersebut. Aktiviti ulasan buku seperti ini akan berterusan pada tahun hadapan. Saya mengharapkan lebih banyak buku akan diulas oleh staf jabatan dan pihak luar.

Nostalgia Bersama Alumni

Nostalgia bersama Alumni Jabatan adalah satu usaha menemukan alumni jabatan bagi berkongsi pengalaman dan mendapatkan input berharga daripada mereka untuk memajukan jabatan. Aktiviti pertama ini telah diadakan pada 20 Mei 2016 dengan menjemput Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Yusoff Hashim. Kedua-dua mereka telah berkongsi pengalaman ketika menuntut di universiti selain pengalaman berkhidmat sebagai pensyarah dan Ketua Jabatan. Pengalaman ini sesungguhnya telah memberikan iktibar yang bermakna kepada para peserta yang menghadiri majlis ini yang terdiri daripada pelajar dan pihak luar. Aktiviti seperti ini akan diadakan dari semasa ke semasa dengan menjemput alumni terkenal jabatan yang telah berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam, korporat dan NGO.

Seminar Kerjaya

Bagi memastikan pelajar jabatan bersifat *versatile*, jabatan telah menganjurkan seminar

kerjaya sebagai persediaan untuk menghadapi alam kerjaya. Seminar kerjaya berjudul "Kemahiran Insaniah dan Persediaan Menghadapi Alam Kerjaya" telah diadakan pada 18 Mei 2016 dengan menjemput Dr. Ranjit Singh Malhi memberikan ceramah tentang Soft Skill dan cabaran menghadapi kerjaya. Seminar ini telah mendapat sambutan yang baik dan ini sememangnya satu usaha untuk melahirkan pelajar yang *versatile*.

Anugerah Jabatan

Jabatan Sejarah telah memenangi beberapa hadiah berprestij dalam Majlis Anugerah Fakulti yang telah diadakan di Kiara Equestrian Country & Resort pada 30 Mei 2016. Hadiah yang telah dimenangi oleh Jabatan adalah seperti Anugerah Jabatan dengan Penerbitan Tertinggi, Anugerah Jabatan dengan Pengijazahan Calon Sarjana Tertinggi, Anugerah Pengantarabangsaan Pelajar Outbound dan Anugerah Akademik Pelajar Terbaik Fakulti – Thivya Ranie Perumal.

Hadiah Buku Tabung Dermakekal Sri Lanka

Bagi merangsang pencapaian pelajar dalam bidang akademik, jabatan telah berusaha untuk menambah hadiah buku jabatan. Buat masa ini jabatan menganugerahkan hadiah Buku R.R. Bonney, K.K. Nair dan Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia. Hadiah Buku terbaru yang telah diperkenalkan mulai sesi akademik 2015/16 ialah Hadiah Buku Tabung Dermakekal Sri Lanka. Hadiah ini akan dianugerahkan setiap tahun kepada pelajar yang menghasilkan latihan ilmiah terbaik tentang komuniti Tamil Sri Lanka/ Masyarakat India.

...bersambung di ms 2

DARI MEJA KETUA JABATAN

...bersambung dari ms 1

Hadiyah tersebut berupa buku bernilai RM 500 dan graduan perlu memperoleh CGPA tidak kurang daripada 3.6. Pemenang hadiah mesti bergraduat dalam tempoh 7 semester atau kurang. Penganugerahan ini akan dibuat oleh Senat atas perakuan Lembaga Pemeriksa bagi Peperiksaan Akhir untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera. Pemenang pertama hadiah ini ialah Thivy Ranie Perumal yang juga pelajar terbaik Fakulti Sastera.

Forum PCORE-Sejarah

Forum PCORE-UM telah diadakan pada 22 Oktober 2016 dan telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Forum ini adalah anjuran bersama sebuah pertubuhan NGO iaitu Association of Voices of Peace, Conscience and Reason (PCORE) dan Jabatan Sejarah. Forum ini diadakan dengan tujuan untuk menggalakkan pendekatan baharu dalam pengkajian sejarah; mencadangkan syor dalam mengkonstruk naratif sejarah negara; mempromosi perbincangan tentang objektif, konten, struktur kurikulum Sejarah Malaysia; tentang kaedah, teknik pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Seminar STPM

Seminar STPM peringkat kebangsaan telah dianjurkan pada 24 September 2016. Pengajuran seminar ini merupakan satu usaha murni untuk mendedahkan pelajar Tingkatan 6 rendah dan atas kepada kaedah menjawab soalan peperiksaan bagi mencapai kejayaan yang cemerlang. Dalam waktu yang sama seminar ini juga telah mendedahkan pelajar kepada peluang melanjutkan pengajian di Fakulti

Sastera dan Sains Sosial dan universiti secara umum. Seminar ini juga membuka peluang kepada pelajar untuk mengenal fakulti dan kaedah pembelajaran di Universiti Malaya.

Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia

Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia telah diadakan pada 23-24 November 2016 dengan objektif untuk menggalakkan penyelidikan baharu dalam bidang sejarah sosioekonomi Malaysia; menyediakan forum bagi pertukaran idea dalam kalangan pensyarah dan pelajar sejarah; dan mengengahkan kepentingan sejarah sosioekonomi sebagai satu aspek ilmu kemanusiaan yang mempunyai kaitan dengan disiplin-disiplin lain. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Malaya, YBhg.Tan Sri Profesor Datuk Dr. Mohd. Amin Jalaluddin.

Kerjasama Dengan Universiti Kent

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan jabatan, dua kakitangan jabatan akan melawat Universiti Kent pada bulan Mac 2017 untuk membincangkan kerjasama penyelidikan, penerbitan, penyeleian bersama dan pertukaran staf untuk cuti sabatikal. Kerjasama ini pasti akan memberi faedah besar kepada jabatan kerana kedua-dua pihak akan mendapat faedah.

Bagi jabatan, kehadiran staf dari universiti luar dapat dimanfaatkan untuk mengajar kursus ijazah lanjutan dan ini diharapkan akan menarik pelajar luar negara untuk mendaftar bagi kursus ijazah lanjutan jabatan. Staf jabatan juga boleh

menjalankan kerjasama penyelidikan dengan staf Universiti Kent dalam bidang kekupertaulan masing-masing.

Rumusan

Sesungguhnya tahun 2016 telah meninggalkan banyak kenangan manis dan pahit yang akan terlakar dalam diari sejarah jabatan. Saya mengharapkan tahun 2017 akan menjadi lebih cemerlang dengan kemampuan jabatan untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti yang memberi faedah kepada masyarakat. Staf jabatan juga diharapkan terus menerbitkan buku dan menjalankan penyelidikan berimpak tinggi.

Dalam waktu yang sama, saya mendoakan semua kakitangan jabatan berada dalam keadaan yang sihat untuk menyumbang kepada kemajuan jabatan. Bagi menjamin penjagaan kesihatan yang baik, diharapkan kita tidak lalai melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala, mengawal pemakanan dan bersenam selalu supaya hospital tidak menjadi teman setia kita.

Sebelum mengundur diri saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Krismas kepada mereka yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua.



Prof.Madya Dr.Sivachandralingam Sundara Raja



PERKEMBANGAN JABATAN

BILIK SUMBER IJAZAH DASAR



Sejak Jabatan Sejarah ditubuhkan pada 1959, satu masalah yang tidak disedari ialah jabatan tidak mempunyai bilik sumber sendiri untuk pelajar ijazah dasar bagi menempatkan sumber rujukan berupa buku-buku penting untuk kegunaan pelajar. Walaupun buku-buku ini boleh dipinjam di Perpustakaan Utama tetapi bilangannya tidak mencukupi disebabkan pelajar yang bertambah setiap tahun dan buku yang digunakan oleh pelajar dari jabatan lain.

Dalam dialog yang telah diadakan oleh Ketua Jabatan dengan pelajar ijazah dasar pada tahun lepas mereka telah memohon pertimbangan Ketua Jabatan supaya menyediakan bilik sumber di peringkat jabatan.

Jabatan berpendapat ini adalah permintaan yang wajar kerana bilik sumber ini akan diuruskan oleh pelajar sendiri. Penyediaan bahan bacaan di bilik sumber ini akan menjamin peningkatan dalam kualiti esei yang bakal dihasilkan oleh pelajar dan mereka juga akan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Bilik ini telah disediakan di tingkat dua jabatan dan akan mula beroperasi mulai Januari 2017. Jabatan telah menulis kepada ramai penerbit menyumbangkan buku untuk bilik ini. Penerbit Universiti Malaya dan Gerak Budaya telah berbesar hati untuk menyumbangkan buku. Bilik Sumber ini akan mendapat nama khusus yang akan diberikan oleh pelajar sendiri.

KEAHLIAN JABATAN

Ketua Jabatan

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor Emeritus

Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dato' Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor

Prof. Dr. Danny Wong Tze-Ken, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob, B.A (Malaya), M.A (Western Michigan), Ph.D (Reading)
Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando, B.A. (Hull), Ph.D (London)
Prof. Madya Dr. Hamidin Abdul Hamid, B.A (Malaya), M.A (London), Ph.D (London)
Prof. Madya Dr. Zulkaini Abdul Rahman, B.A (Malaya), M.A (Leeds), Ph.D (East Anglia)

Pensyarah Kanan

Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Mohd Supian Sabtu, B.A (Gajah Mada), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Arba'iyah Mohd Noor, B.A (UIA), M.A (Lancaster), Ph.D (Malaya)
Dr. Azharudin Mohamed Dali, B.A (Malaya), M.A, Ph.D (London)
Dr. Ho Hui Ling, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Mardiana Nordin, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)
Dr. Abu Hanifah Haris, B.Ed (UPSI), Ph.D (Malaya)
Dr. Azhar Mad Aros, B.A (Malaya), M.A (Nihon), Ph.D (Malaya)

Pensyarah Kanan (Kontrak)

Dr. Noraini Mohamed Hassan, B.A (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D (Malaya)

Pensyarah

Puan Salina Zainol, B.A (Malaya), M.A (Malaya)

Profesor Pelawat

Prof. Dr. Daniel Georges Perret, B.A (France), PhD (Paris)

AKTIVITI AKADEMIK



PROGRAM MINGGU HALUANSISWA SESI 2016/2017

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya



Tarikh
1 September 2016 (Khamis)

Tempat
Dewan Kuliah C
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya

MINGGU HALUANSISWA



Majlis Haluansiswa Jabatan telah diadakan pada 1 September 2016 di Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya. Seramai 41 pelajar telah mendaftar di jabatan pada sesi akademik ini. Majlis ini telah dimulakan dengan pengenalan jabatan oleh Ketua Jabatan, Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja dan diikuti oleh ceramah sejarah dan kemajuan diri oleh Dr. Azhar Mad Aros.



AKTIVITI AKADEMIK

SEMINAR STPM


Seminar STPM peringkat kebangsaan telah diadakan pada 24 September 2016 di Dewan Kuliah F dan A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Seminar ini telah menarik penyertaan seramai 210 pelajar tingkatan 6 dari seluruh negara. Para pembentang seminar terdiri daripada guru pakar dalam subjek Pengajian Am, Ekonomi, Bahasa Melayu dan Sejarah.



AKTIVITI AKADEMIK

PCORE-UM FORUM

forum
FORUM



Forum PCORE-UM telah diadakan pada 22 Oktober 2016 di Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera & Sains Sosial anjuran bersama Association of Voices of Peace, Conscience and Reason (PCORE) dan Jabatan Sejarah. Forum ini diadakan bertujuan menggalakkan pendekatan terbaharu dalam pengkajian sejarah; mencadangkan syor dalam mengkonstruk naratif sejarah negara; mempromosi perbincangan tentang objektif, konten, struktur kurikulum Sejarah Malaysia; mengenai kaedah, teknik pengajaran dan pembelajaran sejarah. Forum telah menemukan sejarawan tersohor negara seperti Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Dr. Lim Teck Ghee, Prof. Madya Dr. Helen Ting, Dr. Ranjit Singh Malhi dan ramai lagi. Forum ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato Seri' Utama Dr. Rais Yatim dan seramai 250 orang peserta telah menyertai forum ini.



AKTIVITI AKADEMIK

PCORE-UM FORUM

forum
FORUM





AKTIVITI AKADEMIK

PERSIDANGAN SEJARAH



Persidangan Sejarah Sosioekonomi Malaysia telah diadakan pada 23-24 November 2016 dan telah dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Y Bhg.Tan Sri Profesor Datuk Dr. Mohd. Amin Jalaluddin. Sebanyak 45 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini dan pembentang adalah ahli akademik dari universiti tempatan dan luar negara – Singapura dan Filipina. Keseluruhan peserta adalah seramai 150 orang termasuk pembentang kerja kerja. Kertas kerja yang dibentangkan meliputi tema historiografi, politik, ekonomi dan sosial.

JABATAN SEJARAH
UNIVERSITI MALAYA

**PERSIDANGAN
SEJARAH
SOSIOEKONOMI
MALAYSIA**

23-24 November 2016
(Rabu & Khamis)
Fakulti Sastera dan
Sains Sosial
UM



Perubahan, Pencapaian dan Cabaran







AKTIVITI AKADEMIK

PERSIDANGAN SEJARAH



AKTIVITI AKADEMIK


PENERBITAN TERBAHARU



THE CHETTIAR ROLE IN MALAYSIA'S ECONOMIC HISTORY

This meticulously researched book represents a noteworthy contribution to our understanding of the "subaltern" economy of Malaysia during the colonial period and to our appreciation of the changing role of the Chettiar in the modern times. Chettiar prominence as creditors to Malay peasants is well known but the authors show here that connections extended deep into Malay society, from royal families to civil servants. While pre-war links to plantation workers and support for Indian business were only weakly developed, Chettiar investment in larger Chinese enterprises was a significant factor in supporting the activities of local Chinese entrepreneurs. In this sense, the authors argue, the Chettiar helped lay the basis for Malaysia's later economic development, while their contemporary commitment to nation building is demonstrated in their involvement in social welfare and concern for the well-being of their fellow Indians. *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History* will be welcomed not only by historians of Malaysia, but by all scholars involved with the complex narratives of Indian migration.

Barbara Watson Andaya
Professor of Asian Studies, University of Hawai'i



KAEDAH PENYELIDIKAN DAN PANDUAN PENULISAN

Buku **Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan** mengesahkan gerak nadi dan jantung dalam tatacara penulisan dan penyelidikan ilmiah. Buku ini dihasilkan atas kesedaran betapa kurangnya bahan-bahan rujukan dalam kaedah penyelidikan dan penulisan. Buku ini perlu dimiliki oleh sesiapa sahaja yang berhasrat untuk menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penulisan ilmiah berbentuk esei, kertas kerja, kertas projek, cadangan penyelidikan dan kajian ilmiah. Kandungan buku yang disertai dengan contoh dan ilustrasi yang menarik bertujuan untuk memberikan kefahaman yang mudah kepada pembaca. Selain itu, setiap bab disusun berdasarkan kaedah penulisan yang tepat bermula daripada persediaan membuat penyelidikan sehingga gaya penerbitan yang memberikan maklumat yang komprehensif tentang tatacara penulisan dan penyelidikan ilmiah. Buku ini bukan sahaja berguna kepada penuntut di institusi pengajian tinggi dan sekolah, tetapi juga kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam penghasilan penulisan bersifat ilmiah.

AKTIVITI AKADEMIK

KENAIKAN PANGKAT



**YBHG.DATUK DR.
ABDULLAH ZAKARIA
GHAZALI**

dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaya yang berlangsung pada 15-18 Oktober 2016.

PELANTIKAN



PROF. MADYA DR. SHAKILA PARWEEN YACOB
telah dilantik sebagai Pengarah Pusat Dialog Peradaban bermula 1 November 2016.

PENULISAN



- ❖ **Ummadevi Suppiah and Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in the Malaysia's Economic History*, Kuala Lumpur, University Malaya Press, 2016.**
- ❖ **Sivachandralingam Sundara Raja, Noraini Mohamed Hassan and Chong Wu Ling, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2016.**

KAJIAN



- ❖ **Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob, History and The New Media: Building Digital Project On Malaysian History. (7.7.2014-6.1.2017)**
- ❖ **Prof. Madya Dr. Zulkarnain Abdul Rahman, Peranan Dan Sumbangan Orang Melayu Dalam Penubuhan Universiti Malaya 1949-1959. (2014-2015).**
- ❖ **Dr. Ho Hui Ling, Scholarship in Action: The Africa Asia Development Project (Sub Program: Decolonization and Constitution Making in The Commonwealth), 2014-2016.**

PERUNDING



- ❑ **Prof. Dr. Danny Wong Tze Ken, GC Woolley Collections Publication Project, Consultant, 2014-2016, Sabah State Museum.**
- ❑ **Dr. Abu Hanifah Haris, Penulis Projek "Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Edisi Kedua", Consultant, 2013-2013, Dewan Bahasa dan Pustaka.**

PASCA SISWAZAH



- **Pembentangan *Proposal Ijazah Tinggi* Ammar bin Muhammad (AGE140006), “**Sejarah Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis: Pembentukan Entiti Negeri Perlis Dalam Persekutuan Tanah Melayu**” di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Shakila Parween Yacob pada 16 November 2016, 9.30 pagi di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah.**
- **Pembentangan *Candidature Defence Ijazah Tinggi* Siti Aidah binti Hj. Lukin @ Lokin (AHA090048), “**Peranan Pertubuhan Sukarela Wanita Dalam Pembangunan Wanita di Sabah, 1963-2003**” di bawah penyeliaan Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dan Dr. Arba’iyah Mohd Noor pada 24 Ogos 2016, 9.00 pagi di Bilik Sumber, Jabatan Sejarah.**

AKTIVITI AKADEMIK

PERSATUAN SEJARAH



- Hari Interaksi Sejarah (HARIS) pada 1 Oktober 2016 (Sabtu) di Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.
- Program Sharing Session pada 14 Oktober 2016 (Jumaat) di Bilik Mesyuarat Dekan II, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.
- Seminar Antarabangsa Ketokohan Tun Perak di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Oktober 2016 di UKM, Bangi.
- Kuliah Inspirasi Tokoh pada 3 November 2016 di Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM.
- Majlis Tahlil dan Doa Selamat pada 8 November 2016 (Selasa) di Dataran Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.
- Gerai “Rasa Sayang” kembali beroperasi pada 8 November 2016 di Dataran Sejarah.

UCAPAN TAKZIAH



Jabatan Sejarah merakamkan ucapan takziah kepada isteri dan ahli keluarga Allahyarham Dr. Hasanudin Daud yang telah pulang ke rahmatullah pada 5 November 2016. Sesungguhnya pemergian beliau amat mengejutkan dan merupakan kehilangan besar bukan sahaja kepada Jabatan Sejarah tetapi kepada dunia akademik seluruhnya.

Kemahiran Pemikiran Sejarah dan Penerapan Nilai Patriotisme Dalam Pengajaran-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah

Oleh: Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja



Pengenalan

Dua aspek penting yang ditekankan dalam kurikulum sejarah negara hari ini ialah **Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)** dan **penerapan nilai patriotisme**. Ini amat jelas dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah mewajibkan sejarah mulai 2014 bagi murid tahun empat dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang akan diperkenalkan mulai 2017. Kedua-dua kemahiran ini penting untuk melahirkan pelajar sejarah yang berfikir kritis dan mempunyai semangat cintakan negara. Dalam usaha melahirkan pelajar yang kritis, penerapan nilai patriotisme harus dilakukan secara halus supaya tidak nampak seperti diada-adakan dan menjadi alat propaganda. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam kurikulum sejarah bagi negara sedang membangun, peranan sejarah dalam melahirkan rasa cinta kepada negara dalam kalangan pelajar menjadi satu elemen yang sangat penting. Ini dihalkan dengan menarik oleh Kochhar dalam *Teaching of History*, Menurutnya, "A special aim of teaching history is to create a desire in the pupils to perpetuate those principles of justice and humanity that control the life of a nation. History can instill patriotism into the heart of the child – patriotism which causes the heart to beat high at our country's glorious past and present but which at the same time works for the commonwealth of man and a citizenship of which a nation may well be proud of".¹ Bagi Kochhar berbangga dengan kegemilangan masa lampau dan menanamkan prinsip keadilan dan humaniti (kemanusiaan) dalam kalangan pelajar sekolah dapat mengawal gerak nadi sesebuah negara. Bagi Malaysia penerapan semangat patriotisme amat perlu dalam keadaan politik semasa yang jelas menampakkan betapa tipisnya kesedaran cinta akan negara dalam kalangan generasi muda.

Makalah ini akan mengupas secara terperinci pengertian pemikiran sejarah dan bagaimana nilai patriotisme dapat diterapkan melalui salah satu pemikiran sejarah iaitu imaginasi yang dapat menanamkan sifat *a sense of belonging* (perasaan kekitaan) dalam kalangan pelajar. Usaha ini akhirnya dipercayai akan memupuk patriotisme, bangga kepada warisan dan matlamat yang sama untuk melahirkan warganegara yang bersatu padu dan negara yang aman dan makmur untuk semua.

Kemahiran Pemikiran Sejarah

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan satu proses berfikir bagi membolehkan murid-murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak. KPS merangkumi aspek berikut:

(i) Memahami Kronologi

- Melihat masa lalu, kini dan akan datang
- Memahami konsep masa
- Memahami konversi masa

(ii) Meneroka Bukti

- Mengenal pasti sumber pertama dan kedua
- Membuat perbandingan antara sumber
- Menentukan signifikan, tarikh, tokoh, lokasi peristiwa serta bagaimana peristiwa itu berlaku

(iii) Membuat Interpretasi

- Membuat tafsiran sesuatu peristiwa sejarah
- Membezakan antara tafsiran dengan perspektif
- Membezakan antara fakta sejarah dengan tafsiran sejarah

(iv) Membuat Imaginasi

- Melibatkan diri dalam sesuatu peristiwa sejarah
- Membuat imaginasi secara visual
- Membuat imaginasi secara empati

(v) Membuat Rasionalisasi

- Menggunakan akal fikiran untuk membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu persoalan
- Memerlukan kemahiran mengumpul data, hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferensi
- Membuat rasionalisasi melalui kajian sumber sejarah secara kritis.

Dengan menguasai kemahiran pemikiran sejarah, murid diharapkan dapat menggunakan kemahiran ini untuk menganalisis sumber, membuat penjelasan sejarah dengan tepat dan memahami peristiwa sejarah secara empati. Dengan melalui proses kemahiran pemikiran sejarah, murid boleh memahami sesuatu peristiwa masa lalu daripada pelbagai perspektif secara mendalam agar dapat meletakkan diri mereka secara imaginatif dalam situasi seseorang tokoh atau peristiwa.

Adalah diharapkan akhirnya murid dapat melihat sejarah secara empati untuk membina corak pemikiran yang lebih terbuka, toleransi dan matang. KPS diharap dapat membantu murid memahami bagaimana sejarawan menggabung-jalinkan peristiwa lalu dengan menggunakan bukti-buktinya sejarah bagi menentukan kepentingan sesuatu peristiwa; membantu dalam melahirkan pemikiran kritis serta kreatif dan melihat sesuatu peristiwa sejarah secara empati.

Objektif Kurikulum Sejarah Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)

Kurikulum sejarah yang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah mulai 2002 harus difahami dari segi objektif kurikulum yang menjadi panduan kepada guru untuk mengajar subjek ini di sekolah. Berikut adalah objektif KBSM yang diperkenalkan oleh Kementerian mulai 1988 dan semakan semula pada 2002.²

- Menyatakan kepentingan mata pelajaran sejarah sebagai satu disiplin ilmu dan mengamalkannya sebagai pendidikan sepanjang hayat serta mampu berdiskusi.
- Menjelaskan perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
- Menghuraikan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara dan mempertahankan maruah bangsa.
- Memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.
- Menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian daripada peradaban dunia dan sumbangannya di peringkat antarabangsa.
- Mengambil ikhtiar daripada pengalaman sejarah untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan.
- Mengamalkan nilai-nilai murni.
- Menganalisis, merumus dan menilai fakt-fakta sejarah Malaysia dan sejarah luar negara secara rasional.

1. S.K. Kochhar, *Teaching of History*, New Delhi, Sterling Publishers Private Limited, 1984.

2. Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah, Tingkatan 5, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002.

KOMEN ISU SEMASA


...bersambung dari ms 13

Memupuk Nilai Patriotisme

Ternyata matlamat ke empat dan lima mendasari kurikulum sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah. Justeru penerapan nilai patriotisme harus dilakukan dalam usaha memberi kesedaran tentang sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan negara dan bagaimana semangat tersebut dapat digunakan untuk melahirkan rasa cinta kepada negara dan menanamkan prinsip keadilan dan humaniti. Cara terbaik adalah melalui pemikiran sejarah kategori imaginasi. Pembuktian ini akan dilakukan dengan memberikan beberapa contoh peristiwa sejarah bagi menunjukkan dengan jelas bagaimana melalui pemikiran sejarah imaginasi, nilai patriotisme atau "a sense of belonging" dapat dipupuk dalam kalangan pelajar.

Peristiwa Sejarah

Keagungan Melaka



"Di Melaka pada abad ke-15 terdapat 84 jenis bahasa yang digunakan dalam perdagangan tetapi bahasa Melayu tetap menjadi bahasa perantaraan utama". Tome Pires

Bayangkan anda hidup di zaman ini dan apakah yang dapat anda bayangkan tentang keistimewaan Melaka? Apakah keistimewaan tersebut dapat dikesan dalam pentadbiran negara hari ini.

Pendudukan Jepun

Kemusnahan Akibat Perang

Gambar menunjukkan kemusnahan perang. Bayangkan anda hidup pada zaman ini. Apakah yang telah musnah pada pandangan anda?



Jawatankuasa Perhubungan Kaum



Jawatankuasa Perhubungan Kaum (JPK) ditubuhkan pada 1949 oleh kerajaan untuk menjalin hubungan yang erat antara penduduk berbilang kaum.

Andaikan anda adalah pemimpin yang mewakili kaum India pada waktu itu dalam pertubuhan ini. Apakah yang akan anda lakukan untuk mewujudkan perpaduan? Apakah pengorbanan besar yang dilakukan oleh ketiga-tiga kaum dalam jawatankuasa ini?

Gambar Seorang Tokoh Melayu Berbasikal dan Keadaan Kampung Melayu

"Gambar menunjukkan seorang pemimpin Melayu yang sanggup berbasikal untuk menyelesaikan masalah orang Melayu dan keadaan perkampungan Melayu awal 1950-an"




Apakah yang dapat anda bayangkan tentang usaha pemimpin ini dan keadaan kampung orang Melayu?

Andaikan anda adalah pemimpin yang berbasikal pada waktu ini. Apakah masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan apakah penyelesaiannya?

Rumusan

Makalah ini dengan jelas telah dapat menunjukkan bagaimana nilai patriotisme atau perasaan kekitaan dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui kemahiran pemikiran sejarah (KPS) kategori imaginasi. KPS sesuai diaplikasikan dalam hampir semua situasi pengajaran dan pembelajaran. Penerapan KPS dapat membantu guru menghidupkan suasana pembelajaran sejarah yang sebaliknya boleh meningkatkan minat murid. Ini membolehkan murid menjadi lebih kritis, kreatif dan inovatif.

Kemahiran kategori imaginasi adalah kaedah yang sangat berkesan untuk memupuk perasaan sayang kepada negara dalam kalangan pelajar dan dalam waktu yang sama menanamkan rasa bangga kepada warisan dan destinasi yang sama untuk melahirkan warganegara yang bersatu padu. Pendekatan ini pasti akan menjadikan sejarah satu subjek yang menghiburkan dan dalam waktu yang sama membantu dalam melahirkan pemikiran yang kritis. Untuk memastikan kaedah pengajaran ini berjaya, guru dituntut untuk melayari laman sesawang dan membuat penyelidikan di Arkib Negara bagi mendapatkan imej-imej yang akan merangsang pelajar untuk meminati sejarah dalam usaha menjadikan sejarah satu subjek yang dinamik dan bukan lesu seperti yang dianggap oleh ramai pihak.



PERSONALITI JABATAN SEJARAH

PROFESOR EMERITUS DATUK DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI



DATUK DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI dilahirkan pada 13 November 1951 di Besut, Terengganu. Beliau menghabiskan usia kanak-kanaknya di daerah kelahiran sebelum berhijrah ke Petaling Jaya, Selangor bagi mengikuti pengajian di peringkat tingkatan enam di Kolej Islam Malaya pada tahun 1968. Dua tahun kemudian, Datuk Dr. Abdullah menjelaskan kaki di Universiti Malaya sebagai mahasiswa di Fakulti Sastera (kini Fakulti Sastera dan Sains Sosial). Beliau memilih sejarah sebagai bidang pengkhususan dan dengan tekun mengikuti pengajian sehingga memperoleh ijazah sarjana muda sastera dengan kepujian pada tahun 1973. Kembara ilmunya tidak terhenti di situ. Beliau bergeger pula mendaftarkan diri sebagai calon sarjana dalam bidang Sejarah Malaysia pada tahun 1974. Keazaman beliau menekuni kajian berjudul "Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu, 1921-1928" membolehkan beliau menjadi antara pelajar yang paling minimum tempoh pencalonannya iaitu selama dua tahun. Pada tahun 1977, ijazah sarjana sastera akhirnya berada dalam genggaman. Minat yang mendalam terhadap kajian mengenai kesultanan Melayu mendorong beliau menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah. Tesis beliau yang bertajuk "Persaingan di antara Keluarga Sultan dengan Keluarga Temenggung di Johor, 1835-1885" berjaya disiapkan di sebalik kesibukan kariernya. Pada tahun 1985, Datuk Dr Abdullah dianugerahkan ijazah doktor falsafah dalam bidang Sejarah Malaysia oleh Universiti Malaya.

Universiti Malaya bukan sekadar tempat beliau menuntut ilmu bahkan menjadi gelanggang muncurah bakti. Bermula sebagai pengajar sambilan di Jabatan Sejarah pada tahun 1973, jodohnya dengan universiti tersohor ini masih kekal sehingga ke hari ini. Kariernya kemudian berkembang sebagai pengajar kontrak (1974-1976) dan pengajar kerjaya (1976-1977) sebelum dilantik menjadi pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera (1977-1985), dinaikkan pangkat kepada Profesor Madya (1985-1998) sebelum bergelar Profesor (1998-2007). Pada tahun 2006, beliau merupakan pensyarah pertama di Jabatan Sejarah yang menjawat jawatan Profesor Gred Khas B. Sungguhpun bersara wajib pada tahun 2007, khidmat

beliau terus ditagih. Selama tiga tahun (2007-2010), beliau dilantik sebagai Profesor Kontrak Gred Khas B diikuti sebagai Profesor Kontrak (2011-2014), Felo Penyelidik Kanan (2014-2016) dan kini, Prof. Emeritus.

Datuk Dr. Abdullah adalah seorang guru yang sangat disenangi, selesa didampingi, jelas butir bicaranya dan mendalam ilmu di dadanya. Kursus-kursus yang beliau kendalikan di Jabatan Sejarah seringkali menjadi rebutan para pelajar. Justeru tidak hairanlah, beliau menjadi pilihan pelajar peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah untuk menyelia kajian ilmiah masing-masing. Sehingga kini, beliau telah melahirkan 16 siswazah sarjana (masing-masing lapan disertasi penuh dan lapan secara berkursus dan disertasi) serta 23 pemegang ijazah kedoktoran. Semangat cintakan ilmu yang sentiasa beliau suburkan dalam kalangan anak-anak didiknya turut terserlah ketika mana beliau diamanahkan sebagai Ketua Jabatan Sejarah (1998-1999, 2001-2003, 2007-2009). Dalam tempoh ini, beliaulah orang yang bertanggungjawab memperkenalkan program Sarjana Sejarah Malaysia dan Sarjana Sejarah Asia Tenggara secara berkursus dan disertasi. Beliau juga yang menjadi penyokong kuat kepada beberapa orang kakitangan akademik muda untuk melanjutkan pengajian ijazah doktor falsafah dalam bidang Sejarah Eropah, Sejarah India, Sejarah China, Sejarah Malaysia dan Falsafah Sejarah. Kesemua mereka menamatkan pengajian dengan jayanya dan kini berkhidmat di Jabatan Sejarah.

Sumbangan Datuk Dr. Abdullah tidak hanya terbatas kepada pengajaran dan penyeliaan. Kesarjanaannya diiktiraf sebagai pemeriksa luar bagi disertasi sarjana dan tesis doktor falsafah oleh Charles Darwin University, Australia; Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga pernah menjadi penilai luar kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Profesor bagi Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional Malaysia.

Datuk Dr. Abdullah juga adalah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Malaya sebanyak empat kali (1996-1998 dan 2004) dan Anugerah Sijil Perkhidmatan Cemerlang Universiti Malaya sebanyak lima kali (2002-2003, 2005-2006 dan 2008) dan turut terlibat dalam pentadbiran universiti sebagai Ahli Senat Universiti Malaya (1998-2007) dan dilantik menganggotai Jawatankuasa Ekseis Kenaikan Pangkat dari Profesor Madya ke Profesor, Profesor Gred Khas C ke Gred Khas B. Di samping itu, beliau juga telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Jawatankuasa Kerusi Tun Ismail, Bank Negara Malaysia selain jawatankuasa menyemak peraturan ijazah sarjana dan doktor falsafah, mengendalikan kursus induksi dan terlibat dalam program PTK Universiti Malaya.

Di luar lingkungan universiti, namanya semerbak mekar mewangi, dirangkai mengharum segenap pertwi. Datuk Dr. Abdullah acapkali dijemput menyumbang kepakanan, ilmu dan kesarjanaan oleh institusi luar seperti Majlis Peperiksaan Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Persatuan Muzium Malaysia, Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Amanah Yayasan Karyawan, Arkib Negara Malaysia dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu; sekadar menyebut tujuh daripada senarai yang panjang berjela.

Sumbangan beliau dalam mengangkat sejarah di Malaysia dapat diterjemah melalui banyaknya anugerah yang diterima. Pengiktirafan terawal adalah Darjah Paduka Cura Si Manja Kini pada tahun 1995, diikuti dengan Ahli Setia Mahkota Terengganu (2000) dan dua dari Kerajaan Negeri Melaka iaitu Darjah Seri Mulia (DSM) pada 2006 serta Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) pada 2012 yang membawa gelaran Datuk. Satu lagi anugerah yang tidak boleh dilupakan adalah Felo Persatuan Sejarah Malaysia yang beliau terima pada 2011 yang mencerminkan kesungguhan beliau dalam melestarikan sejarah, khususnya Sejarah Malaysia.

SELAMAT MENYAMBUT

MISI JABATAN SEJARAH



*Merry
CHRISTMAS AND A HAPPY
New Year*

SIDANG PENGARANG BULETIN SEJARAH

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja

Timbalan Pengarang

Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus

Setiausaha

Dr. Noraini Mohamed Hassan

OBJEKTIF JABATAN SEJARAH

- Melahirkan graduan sejarah yang cemerlang, bermutu dan berwibawa, di samping menjayakan matlamat falsafah pendidikan negara dalam bidang sejarah.
- Melahirkan graduan sejarah yang mempunyai ciri-ciri daya saing dalam menghadapi cabaran semasa.
- Melahirkan graduan yang mempunyai perasaan kecintaan kepada negara.
- Melahirkan modal insan yang berfikiran kritis dan kreatif.
- Membolehkan graduan sejarah mengaitkan ilmu sejarah dalam pekerjaan di sektor awam dan swasta yang memerlukan kemahiran penyelidikan dan analisis.
- Membolehkan graduan sejarah mengambil ikhtiar daripada peristiwa sejarah dan menjadi asas perkiraan dalam menghadapi permasalahan semasa.